

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2005/2006

April/Mei 2006

**BST 304/3 – Ekologi dan Pengurusan Hidupan Liar**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

...2/-

1. Aldo Leopard telah memberikan definisi yang klasik bagi perkataan Pengurusan Hidupan Liar sebagai:

***'suatu seni yang membolehkan tanah (land) menghasilkan dan mengeluarkan hasil secara lestari hasil tahunan hidupan liar bagi tujuan secara rekreatif'.***

Dalam definisi di atas terdapat enam konsep penting iaitu haiwan buruan, seni, tanah, hasil lestari, liar dan pengurusan secara lestari. Jelaskan kesemua konsep tersebut.

(20 markah)

2. Jelaskan tentang tajuk-tajuk berikut:

[a] Aliran tenaga dalam ekosistem.

(10 markah)

[b] Degradasi terhadap ekosistem.

(10 markah)

3. Hidupan liar memerlukan habitat yang sesuai bagi terus bermandiri dan membiak. Dalam konteks ini, pengurusan ke atas kesemua faktor yang mempengaruhi habitat sangat diperlukan. Jelaskan tentang faktor-faktor berikut:

[a] Makanan

(10 markah)

[b] Kawasan Perlindungan

(10 markah)

.../3-

4. Bincangkan tentang pengurusan yang dijalankan di Malaysia ke atas **SALAH SATU** spesies haiwan perosak berikut:

[a] Gagak Rumah (*Corvus splendens*)

[b] Tikus (*Rattus sp.*)

(20 markah)

5. Bincangkan tentang Pengurusan yang dijalankan di Malaysia ke atas **SALAH SATU** spesies Hidupan Liar yang sangat terancam berikut:

[a] Tuntung Sungai (*Batagur baska*)

[b] Harimau (*Panthera tigris*)

[c] Mawas (*Pongo pygmaeus*)

(20 markah)

6. Bincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh **SALAH SATU** Badan Kerajaan atau bukan Kerajaan (NGO) di bawah dalam Pengurusan Hidupan Liar di Malaysia

[a] PERHILITAN

[b] DANA HIDUPAN LIAR SEDUNIA (WWF)

(20 markah)

- ooo O ooo -